

SEJARAH PENGINSTITUSIAN FATWA DI NEGERI PERLIS: PENTADBIRAN DAN METODOLOGI PENETAPAN

Mohd Akram bin Dahaman

Solahuddin bin Abdul Hamid

Noor Naemah binti Abdul Rahman

Pusat Pengajian Umum, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok, Kedah,
Malaysia.

akram@uum.edu.my

Abstrak

Di negeri Perlis, fatwa berada pada kedudukan yang sangat signifikan sejak dahulu sehingga kini. Ini kerana masyarakat Islam telah meletakkan medium fatwa sebagai rujukan yang berautoriti di dalam menjawab sebarang isu berkaitan hukum syarak. Sejarah fatwa dan kewujudan institusinya di negeri Perlis bermula sebelum daripada kewujudan Perlis sebagai sebuah negeri yang rasmi. Setelah itu, kedudukan fatwa dan institusi berkaitan melalui peringkat-peringkat penambahbaikan dan transformasi di dalam pelbagai aspek melibatkan aspek pentadbiran dan pengurusan, begitu juga dengan aspek metodologi penetapan fatwa. Kedua-dua perkara ini adalah sangat perlu diteliti dari sudut sejarah dan perkembangan serta perubahannya bagi menjelaskan secara tepat kedudukan fatwa dan institusinya di negeri Perlis. Ini kerana negeri Perlis merupakan satu-satunya negeri di Malaysia yang mempunyai perbezaan ketara melibatkan perkara-perkara tersebut. Oleh itu, artikel ini akan cuba mengetengahkan fakta-fakta sejarah melibatkan bahan temubual dengan pihak yang berautoriti dan juga bahan berbentuk dokumen. Hasil daripada data-data yang terkumpul tersebut boleh menjadi fakta berautoriti berkenaan sejarah fatwa dan institusinya di negeri Perlis secara menyeluruh.

Kata Kunci: *Sejarah Fatwa, Institusi Fatwa, Metodologi Penetapan Fatwa, Perlis.*

PENDAHULUAN

Fatwa merupakan salah satu medium pemakluman hukum syarak yang telah memainkan peranan yang besar terhadap umat Islam di Malaysia khususnya pada zaman kini. Perkara ini dapat dilihat daripada kewujudan badan-badan berautoriti fatwa sama ada di peringkatnegara mahupun di peringkat negeri (Engku Ahmad Zaki: 2008). Bagi negeri Perlis, kewujudan beberapa badan, institusi dan jawatan bersangkutan fatwa adalah bukti kukuh terhadap peranannya di dalam kehidupan masyarakat Islam.

Terdapat tiga perkara besar yang perlu diteliti bagi memberi gambaran yang sebenar sejarah penginstitution fatwa di negeri Perlis. Tiga perkara tersebut membabitkan aspek-aspek berikut:

- i. sejarah fatwa di negeri Perlis
- ii. sejarah institusi fatwa di negeri Perlis
- iii. sejarah pembentukan metodologi penetapan fatwa di negeri Perlis.

Maklumat yang diketengahkan ini akan menjelaskan secara terperinci kedudukan sebenar penginstitution fatwadi negeri Perlis.

Sejarah fatwa, sejarah pembentukan badan-badan berautoriti fatwa di negeri Perlis dan sejarah kaedah yang digunapakai oleh badan-badan tersebut melalui banyak peringkat. Berkaitan sejarah fatwa di Perlis, fokus diberikan terhadap proses berfatwa dan orang yang mengeluarkan fatwa iaitu mufti. Perkara tersebut akan diteliti melalui beberapa peringkat iaitu sebelum penubuhan Perlis sebagai sebuah negeri rasmi pada tahun 1948, selepas tahun 1948 dan perkembangan mutakhir. Manakala sejarah institusi fatwa di negeri Perlis, penekanan diberikan kepada penubuhan badan-badan berautoriti fatwa dan penambahbaikannya dari sudut pentadbiran fatwa. Peringkat-peringkat tempoh masa seperti sebelum penubuhan negeri Perlis, selepas penubuhan dan perkembangan mutakhirakan diketengahkan. Bagi pembentukan metodologi penetapan fatwa pula, fokus akan diberikan kepada sejarah aliran fahaman yang wujud di negeri Perlis dan impaknya kepada praktis penetapan fatwa. Peringkat masa yang sama akan diteliti di dalam menjelaskan kedudukan sebenar pembentukan metodologi penetapan fatwa yang wujud di negeri Perlis.

SEJARAH FATWA DI NEGERI PERLIS

a) Sebelum Penubuhan

Sebelum penubuhan negeri Perlis adalah merujuk kepada tahun-tahun selepas Perlis terpisah daripada negeri Kedah pada tahun 1834 sehingga tahun 1948. Urusan berfatwa pada tempoh masa ini adalah bersekali dengan kewujudan jawatan Kadi Besar yang dilantik oleh Raja Pemerintah. Sekitar tahun 1873 ketika era Syed Ahmad Jamalullail (1873-1897), Kadi Besar pertama negeri Perlis telah dilantik iaitu Sayyid Muhammad al-Haddad (Buyong Adil: 1981). Setelah itu, jawatan Kadi Besar dipegang oleh Haji Muhammad b. Haji Abdul Latif dan kemudiannya digantikan oleh anak beliau iaitu Hj. Muhammad Noor b. Hj. Muhammad sehingga tahun 1920 (Saadan Man: 2007). Perkara ini adalah mengambil pendekatan ulama-ulama yang dilantik oleh khalifah-khalifah Islam terdahulu sebagai kadi seperti *Qadi* Abu Yusuf yang dilantik oleh Khalifah Harun al-Rasyid. Penggunaan istilah *Qadi* di sini bukan semata-mata bertugas bagi menyelesaikan pertikaian dan pendakwaan sahaja, akan tetapi juga merupakan mufti di dalam menjawab persoalan-persoalan hukum yang timbul (Abdul Monir Yaacob: 2006). Ini kerana Abu Yusuf merupakan rakan atau *Sahib* Abu Hanifah di dalam membentuk fiqh Hanafi (Manna' al-Qattan: 1996).

Bermula daripada tahun 1920 ketika pemerintahan Raja Syed Alwi (1904-1943), jawatan Mufti Kerajaan Negeri diwujudkan serentak dengan penubuhan Jabatan Agama Islam Perlis. Hj. Muhammad Noor b. Hj. Muhammad yang sebelumnya merupakan Kadi Besar telah dilantik menjadi Mufti Kerajaan Negeri yang pertama sehingga tahun 1941 (Azizan Khalid Ahmad: 1971, Abdul Rahman Hj. Abdullah: 1989). Setelah itu, kekosongan jawatan Mufti Kerajaan Negeri dipenuhi oleh Syeikh Mahmood Hj. Mohd Saman bermula daripada tahun 1941 sehingga tahun 1945. Kemudiannya, jawatan tersebut digantikan dengan Ustaz Salleh Othman bermula daripada tahun 1945 sehingga tahun 1970 (Laman Web Jabatan Mufti Perlis, Sejarah: Julai 2014).

Sejak daripada kewujudan jawatan Kadi Besar sehingga pelantikan jawatan Mufti Kerajaan Negeri pada tahun 1920, mengikut undang-undang yang terpakai ketika itu segala masalah yang timbul dan memerlukan fatwa akan diselesaikan oleh mufti dengan ijtihadnya. Selain itu, mufti akan membentuk jawatankuasa yang tidak rasmi dalam membincangkan masalah tersebut. Ketika itu masih belum ada peruntukan undang-undang yang menyatakan tentang sebarang bentuk kuasa melibatkan urusan fatwa,

kuasa mufti dan pelantikan ahli jawatankuasa fatwa kerana undang-undang rasmi untuk negeri masih belum ada. Perkara ini telah dijelaskan oleh Dato' Setia Bakti Haji Nordin Ismail (Allahyarham) melalui temuramah yang dijalankan pada 2 November 2003 (Mohd Akram Dahaman: 2005)

b) Selepas Penubuhan

Setelah Undang-undang Tubuh Negeri Perlis diwartakan pada tahun 1948, jawatan Mufti Kerajaan Negeri wujud seperti sedia ada sebagaimana sebelum penubuhan Perlis. Tiada sebarang undang-undang jelas memperuntukkan kedudukan mufti, peranannya dan juga hal-hal yang berkaitan. Yang ada hanya kewujudan mufti sebagai salah seorang ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Perlis, bertindak dalam membantu serta menasihati Raja Pemerintah dalam perkara berkaitan agama Islam dan adat istiadat melayu termasuk fatwa (Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948).

Pada tahun 1964, satu undang-undang yang berkaitan dengan cara pentadbiran agama Islam dan adat istiadat Melayu diluluskan dengan nama Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis. Di dalam enakmen ini jelas menyatakan perlantikan jawatan Mufti Kerajaan Negeri dan memperuntukkan kuasa-kuasa mufti tersebut. Pada Bahagian III (Lantikan-Lantikan), Fasal 9 jelas menyatakan:

“9. Raja Pemerintah bolehlah melantik seseorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Mufti bagi Negeri ini dengan jalan disiarkan dalam Warta Kerajaan” (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis: 1964)

Mengikut peruntukan ini, Kerajaan Negeri telah melantik Ustaz Salleh bin Othman sebagai Mufti Kerajaan Negeri yang sudah sedia memegang jawatan tersebut sebelum ini. Setelah itu, Sheikh Hj. Abdul Rahman bin Hj. Ismail telah dilantik sebagai pemangku Mufti bermula daripada tahun 1970 sehingga tahun 1984. Bermula pada tahun 1984 sehingga tahun 2006, jawatan Mufti Kerajaan Negeri dipegang oleh Dato' Alim Panglima Hj. Mat Jahya bin Hj. Hussin. Seterusnya pada tahun 2006, Dr. Mohd Asri Bin Zainul Abidin (Dato' Arif Perkasa) telah dilantik oleh Raja Pemerintah sebagai Mufti Kerajaan Negeri Perlis sehingga tahun 2008 (Laman Web Jabatan Mufti Perlis, Sejarah: Julai 2014).

Di dalam Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964 tersebut dengan jelas menyatakan kedudukan fatwa yang sebenarnya. Pihak yang berautoriti mengeluarkan fatwa adalah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Negeri Perlis. Perkara ini telah dinyatakan di dalam Bahagian II (Majlis), Fasal 5, Perkara 3:

“(3. Manakala diminta oleh mana-mana orang atau Mahkamah maka Majlis hendaklah mengeluarkan satu fatwa di atas masalah-masalah yang berkaitan dengan Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu dan fatwa itu hendaklah dikeluarkan mengikut syarat-syarat Undang-undang ini” (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis: 1964)

c) Perkembangan Mutakhir

Jawatan Mufti Kerajaan Negeri Perlis sekarang disandang oleh Dato’ Murshid DiRaja Dr. Hj. Juanda bin Jaya. Perlantikan beliau bermula pada tahun 2009 (Laman Web Jabatan Mufti Perlis, Sejarah: Julai 2014).

Pada tahun 2006, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam yang lama telah diperbaharui dan disemak semula. Hasil daripada penyemakan semula tersebut, berlaku penambahbaikan dalam segenap segi pentadbiran agama Islam di negeri Perlis, tidak terkecuali perkara yang membabitkan jawatan Mufti dan urusan penfatwaan. Antara penambahbaikan yang diperuntukkan ialah pelantikan Timbalan Mufti. Perkara ini dapat dilihat pada bahagian III, Fasal 44 (Pelantikan Mufti dan Timbalan Mufti), Perkara 1,2 dan 3. Di dalam undang-undang baru ini juga telah dinyatakan dengan jelas fungsi dan tugas Mufti. Fasal 45 memperuntukkan:

“45. Mufti hendaklah membantu dan menasihati Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah berkenaan dengan semua perkara Hukum Syarak, dan dalam semua perkara sedemikian hendaklah menjadi pihak berkuasa utama di Negeri Perlis selepas Dulu Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, kecuali jika diperuntukkan selainnya dalam Enakmen ini” (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis: 2006)

Penambahbaikan berkaitan tatacara pembuatan fatwa juga telah dimuatkan di dalam undang-undang baru ini. Fasal 48, Perkara 1 hingga 9. Terdapat peruntukan yang agak berbeza terhadap kedudukan terma fatwa yang ditetapkan. Jika di dalam enakmen lama badan yang mengeluarkan fatwa ialah MAIPs, pada enakmen baru ini pengeluaran fatwa diberikan kepada Jawatankuasa Fatwa. MAIPs akan bertindak mengesyorkan kepada Raja Pemerintah sahaja untuk pengwartaan fatwa tersebut (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis: 2006).

SEJARAH INSTITUSI FATWA DI NEGERI PERLIS

a) Sebelum Penubuhan

Sejarah institusi fatwa di negeri Perlis yang membabitkan penubuhan badan-badan berautoriti fatwa boleh dianggap bermula pada tahun 1920. Ketika Syed Alwi menjadi Raja Pemerintah Perlis, Tuanku Raja telah mewujudkan Jabatan Agama Islam Negeri Perlis dan telah melantik Mufti Kerajaan Negeri. Perkara ini menjadi titik permulaan ke arah mewujudkan institusi fatwa yang berautoriti (Engku Ahmad Zaki: 2008). Menurut Dato' Setia Bakti Haji Nordin Ismail (Allahyarham) melalui temuramah yang dijalankan pada 2 November 2003, ketika itu sudah wujud satu jawatankuasa tidak rasmi yang dipanggil oleh Mufti bagi menyelesaikan beberapa isu yang tidak dapat diselesaikan secara bersendirian. Jawatankuasa tidak rasmi tersebut dianggotai oleh alim ulama yang mempunyai kepakaran dalam hukum syarak di peringkat negeri Perlis (Mohd Akram Dahaman: 2005).

Selepas Penubuhan

Institusi fatwa di negeri Perlis bergerak ke arah yang lebih baik setelah 1 Februari 1948 dengan termasyhurnya Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis. Di dalam undang-undang tersebut menyatakan tentang Raja Pemerintah boleh menubuhkan sebuah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu bagi membantu dan menasihatinya dalam perkara yang berkaitan agama dan adat istiadat melayu. Sejak wujudnya MAIPs, segala masalah yang timbul dan memerlukan fatwa akan dibawa masuk ke dalam mesyuarat Majlis, dibincangkan dan ditetapkan fatwa. Mufti secara individu bertindak menetapkan sesuatu fatwa sebelum MAIPs memperakukannya bagi tujuan pewartaan (Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis: 1948).

Pada tahun 1964, satu undang-undang yang berkaitan dengan cara pentadbiran agama Islam dan adat istiadat Melayu diluluskan iaitu Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964. Pada Bahagian II, Fasal 8, Perkara 1 undang-undang tersebut ada menyatakan tentang kewujudan satu jawatankuasa, fungsi dan keahliannya (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis: 1964). Bermula daripada detik ini, wujud satu jawatankuasa yang rasmi dan berautoriti dalam urusan fatwa di negeri Perlis dengan

nama Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis (JSNP). Jawatankuasa ini bertindak sebagai penasihat kepada MAIPs dalam perkara yang berkaitan fatwa. Fasal 8, Perkara 1 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964 menyatakan:

“(1) Bagi maksud menasihatkan Majlis di atas sebarang perkara berkaitan dengan suatu fatwa yang hendak dikeluarkan menurut syarat-syarat yang disebutkan di atas, hendaklah ditubuhkan sebuah Jawatankuasa Syariah yang mengandungi:- (a) Mufti; (b) Dua orang Ahli Majlis; (c) Dua orang yang beragama Islam ahli Sunnah Waljamaah tetapi mereka ini bukanlah daripada Ahli Majlis” (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis: 1964)

Oleh itu, segala masalah yang timbul dan perlu kepada fatwa akan melalui jawatankuasa ini dahulu untuk dibincangkan dengan teliti sebelum diluluskan oleh pihak MAIPs sebagai fatwa rasmi. Mengikut Dato’ Setia Bakti Haji Nordin Ismail (Allahyarham) melalui temuramah yang dijalankan pada 2 November 2003, ahli-ahli terawal yang dilantik oleh Raja Pemerintah untuk mengisi Jawatankuasa Syariah ialah Mufti ketika itu Syeikh Mahmood Hj. Mohd Saman merangkap pengerusi Jawatankuasa, Ustaz Nordin bin Ismail, Ustaz Salleh bin Othman, Dato’ Derani bin Setia dan Haji Ghazali bin Hj. Ahmad (Mohd Akram Dahaman: 2005).

Pada tahun 1988, pindaan telah dibuat pada Fasal 8 berkaitan dengan jumlah keahlian Jawatankuasa Syariah. Jumlah keahlian lama iaitu seramai 5 orang telah ditambah kepada jumlah yang lebih besar iaitu 7 orang melibatkan Mufti sebagai pengerusi, tiga orang daripada kalangan Ahli Majlis Agama Islam dan tiga orang alim ulama yang bukan daripada kalangan Ahli Majlis (Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis: 1964 pindaan 1988). Ahli-ahli yang dilantik di bawah pindaan baru tersebut ialah seperti berikut:

- i. Mufti Kerajaan Negeri Perlis
- ii. Ustaz Dahlan bin Mohd Zain – Ahli Majlis
- iii. Ustaz Ahmad bin Jusoh – Ahli Majlis
- iv. Ustaz Nordin bin Ismail – Ahli Majlis
- v. Ustaz Saad bin Ismail
- vi. Dr. Haron Din

- vii. Ustaz Abd Hadi bin Osman (Fail JAIPs Sulit 1: Surat Pelantikan Ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis)

Seperkara lagi yang melibatkan penambahbaikan terhadap institusi fatwa di peringkat negeri ialah penubuhan Jabatan Mufti Negeri Perlis pada tahun 1996. Sebelum tahun tersebut, pegawai-pegawai yang ditugaskan dalam urusan fatwa ditempatkan di Bahagian Fatwa, Jabatan Agama Islam Negeri Perlis. Namun begitu pada tahun 1996, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan satu surat pekeliling mengenai pengasingan bahagian fatwa daripada Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia. Hasilnya ialah penubuhan Jabatan Mufti Negeri Perlis diketuai oleh Sahibus Samahah Mufti sebagai ketua Jabatan (Laman Web Jabatan Mufti Perlis, Sejarah: Julai 2014). Menurut garis panduan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), antara peranan Jabatan Mufti yang berkaitan dengan urusan fatwa adalah seperti berikut:

- i. Membantu dan menasihati Ketua Agama Negeri dan Kerajaan Negeri dalam perkara yang berkaitan dengan hal ehwal Islam
- ii. Mengkaji dan mengeluarkan fatwa terhadap isu yang memerlukan penjelasan hukum syarak
- iii. Menjalankan penyelidikan dalam pembangunan fatwa
- iv. Pewartaan fatwa
- v. Menjelaskan dan menjalankan pendidikan fatwa kepada masyarakat (JAKIM: 2010)

b) Perkembangan Mutakhir

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006 telah memberi banyak penambahbaikan kepada enakmen 1964, antaranya melibatkan peruntukan berkaitan badan-badan dan institusi fatwa di peringkat negeri Perlis.

Enakmen 1964 telah memperuntukkan penubuhan Jawatankuasa Syariah sebagai penasihat kepada MAIPs dalam perkara yang berkaitan fatwa. Manakala mengikut Enakmen 2006, nama Jawatankuasa tersebut telah ditukar kepada nama baru iaitu Jawatankuasa Fatwa. Fasal 46, Perkara 1 menjelaskan: "Maka hendaklah ada suatu jawatankuasa bernama Jawatankuasa Fatwa" (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis: 2006).

Penambahbaikan juga diperuntukkan terhadap keahlian Jawatankuasa ini. Keahlian Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis telah ditambah daripada 7 orang kepada 9 orang dengan penambahan daripada aspek alim ulama sebagai pakar rujuk, pengurusan fatwa dengan memasukkan Timbalan Mufti dan pentadbiran institusi fatwa dengan kewujudan pegawai dari Jabatan Mufti sebagai setiausaha. Dalam Fasal 46, Perkara 2 menyatakan:

“Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada – (a) Mufti, sebagai Pengerusi; (b) Timbalan Mufti; (c) Enam orang lain yang beragama Islam Ahli Sunnah Waljama’ah termasuk tidak lebih daripada tiga orang anggota Majlis yang dilantik oleh Majlis; dan (d) seorang pegawai daripada Jabatan Mufti yang dilantik oleh Majlis, sebagai Setiausaha” (Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis: 2006)

Mengikut peruntukan baru yang telah dinyatakan di atas, berikut adalah ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP).

Jadual 1: Senarai Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (JFNP)

Bil	Ahli
1	Sahibus Samahah Dato’ Murshid DiRaja Dr. Juanda bin Jaya (Mufti Kerajaan Negeri)
2	Sahibul Fadhilah Ustaz Roslan bin Esa (Timbalan Mufti)
3	Sahibul Fadhilah Dato’ Kaya Bakti Profesor Madya Dr. Mohd Radzi bin Othman
4	Sahibul Fadhilah Dato’ Alim Setia Ustaz Ahmad bin Jusoh (Ahli Majlis)
5	Sahibul Fadhilah Dr. Abdullah bin Yasin
6	Sahibul Fadhilah YB Senator Dato’ Dr. Johari bin Mat
7	Sahibul Fadhilah Dr. Azwira bin Abd. Aziz
8	Ustaz Abdul Hadi bin Haji Osman
9	Ustazah Nafizah bt Abd. Halim (Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis)

SEJARAH PEMBENTUKAN METODOLOGI PENETAPAN FATWA NEGERI PERLIS

Metodologi penetapan fatwa di negeri Perlis adalah berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Perkara ini dapat dilihat kepada kaedah penetapan fatwa oleh jawatankuasa-jawatankuasa fatwa di semua negeri. Menurut Suwaid Tapah (2004), kaedah yang digunapakai oleh keseluruhan jawatankuasa tersebut masih mengekalkan rujukan pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i sama ada yang wujud di dalam pendapat yang qadim ataupun jadid. Sekiranya kaedah ini bertentangan dengan kepentingan umum, jawatankuasa akan merujuk kepada beberapa pendapat daripada mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali. Walau bagaimanapun di Perlis, Jawatankuasa Syariah perlu memberikan pendapat mengikut al-Quran dan al-Sunnah, berbeza dengan kaedah yang digunapakai oleh negeri-negeri lain. Bagi mendapatkan gambaran yang menyeluruh tentang kondisi ini, fakta-fakta sejarah perlu diketengahkan menyelusuri peringkat-peringkat masa berikut;

a) Sebelum Penubuhan

Asas pendekatan penetapan fatwa sebelum penubuhan Perlis sebagai negeri rasmi melalui dua peringkat yang berbeza. Menurut Abdul Rahman Hj Abdullah (1989), pendekatan penetapan fatwa di negeri Perlis pada awalnya adalah sama dengan negeri-negeri lain di Tanah Melayu iaitu beraliran mazhabi al-Syafi'iyah. Perkara ini dibuktikan dengan kedudukan beberapa individu dalam kalangan alim ulama yang datang daripada Hadramaut dan dilantik menjawat jawatan Kadi Besar seperti Sayyid Muhammad al-Haddad, Haji Muhammad b. Haji Abdul Latif, dan kemudiannya digantikan oleh anak beliau iaitu Hj. Muhammad Noor b. Hj. Muhammad. Kesemua tokoh ini adalah dari kalangan mereka yang berpegang teguh dengan mazhab Syafi'i.

Namun begitu, pendekatan ini telah mula berubah bermula sekitar tahun 1920 kepada pendekatan yang bebas daripada keterikatan dengan mazhab tertentu, menyeru orang ramai kembali berpegang kepada al-Quran dan Sunnah (Zakaria@Mahmod bin Daud: 1997). Perkembangan dan pengukuhan aliran Sunnah ini di Perlis telah berakar umbi lagi dengan pemimpin-pemimpin utama gerakan ini mendapat tempat di *post* utama pentadbiran kerajaan negeri seperti Wan Ahmad bin Wan Daud yang menjadi Speaker Dewan Undangan pertama Perlis dan Syeikh Ahmad bin Hasyim yang menjadi Menteri Besar Pertama Perlis (Abdul Rahman Hj Abdullah: 1989). Begitu juga dengan beberapa orang ulama yang memegang *post* utama dalam hal ehwal agama Islam Perlis seperti Syeikh Abu Bakar al-Ashaari sebagai Imam Besar Masjid Alwi (Shukor Mat: 2001).

b) Selepas Penubuhan

Rentetan daripada kedudukan aliran Sunnah yang didokong oleh pemerintah dan juga agamawan tempatan di negeri Perlis, beberapa peruntukan undang-undang telah diperuntukkan seterusnya memperkukuhkan lagi metodologi penetapan fatwa.

Metodologi penetapan fatwa di negeri Perlis telah ditetapkan berdasarkan tafsiran yang telah diputuskan berkenaan maksud sebenar dua peruntukan yang ada di negeri Perlis. Dua peruntukan undang-undang tersebut ialah:

- i. Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis (Laws of The Constitution of Perlis) 1948, Bahagian 2, Perkara 5, Ayat 1 ada menyatakan:

“The Religion of the State shall be the Muslim Religion Ahli Sunnah Waljama’ah as heretofore professed and practiced in the State”

bermaksud “Agama bagi Negeri ialah agama Islam Ahli Sunnah Waljama’ah seperti yang diamalkan di dalam Negeri”.

- ii. Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Negeri Perlis 1964, Bahagian 2, Perkara 7, Ceraian 4 juga menyatakan:

“Tatkala Majlis mengeluarkan fatwa dan Jawatankuasa Syariah memberi pendapatnya, maka hendaklah badan itu mengikut al-Quran dan Sunnah Rasul Allah s.a.w”

Kedua-dua isi kandungan peruntukan ini tidak menjelaskan secara terperinci dasar-dasar yang perlu diambil oleh badan-badan yang berperanan dalam memutuskan fatwa. Oleh itu, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis telah bersidang dan bermuzakarah dengan panjang lebar untuk menetapkan maksud Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah dan di dalam masa yang sama memperjelaskan metodologi berfatwa di negeri Perlis berasaskan ASWJ yang merujuk kepada al-Quran dan al-Sunnah. JSNP pada tahun 1970 dengan persetujuan MAIPs telah mengeluarkan satu fatwa berkenaan Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah dan dasar-

dasar dalam ambilan sumber hukum bagi sesuatu fatwa yang dikeluarkan serta kedudukan pegangan kepada mazhab fekah. Perkara ini merupakan salah satu bentuk penambahbaikan kepada metodologi penetapan fatwa di negeri Perlis.

Perkara pertama yang ditambahbaik ialah bersangkutan dengan sumber rujukan hukum. Berdasarkan keputusan Fatwa Mengenai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang dikeluarkan oleh MAIPs, sumber-sumber rujukan hukum yang menjadi asas ambilan dan pertimbangan pandangan JSNP adalah seperti berikut:

“Dalam menimbang untuk mengeluarkan sesuatu fatwa, Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis berpandukan fatwanya itu atas dasar-dasar yang di bawah ini mengikut keutamaan seperti berikut:

- 1- Al-Quran al-Karim
- 2- Hadith Sahih
- 3- Ijma' Sahabat
- 4- Fatwa Sahabat yang lebih hampir kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w
- 5- Hadith Mursal dan Daif
- 6- Qiyas ketika darurat
- 7- Masalih Mursalah
- 8- Sad al-Dharai'
- 9- Istihsan dan Istishab
- 10- 'Uruf
- 11- Qawa'id Fiqhiyyah (MAIPs: t.t)”

Manakala perkara kedua yang ditambahbaik di dalam membentuk metodologi penetapan fatwa negeri Perlis ialah keterikatan fatwa dengan mazhab tertentu. Berdasarkan keputusan fatwa berkaitan tafsiran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, JSNP telah memutuskan bahawa semua badan berautoriti fatwa di negeri Perlis sama ada MAIPs, JSNP/JFNP dan lain lain tidak terikat dengan mana-mana satu mazhab tertentu (MAIPs: t.t). Ini bermakna bahawa badan-badan berautoriti fatwa di negeri Perlis memang mengambil dan menerima pendapat mazhab-mazhab muktabar yang ada seperti Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Tetapi penerimaan dan pengambilan pendapat mazhab itu perlu mempunyai sandaran yang kuat

daripada al-Quran dan al-Sunnah serta Ijma' Sahabat Rasulullah. Pendirian ini jelas termaktub di dalam keputusan fatwa tersebut seperti berikut;

“Di dalam mazhab mana pun yang jelas dan nyata pendapat mereka itu dari kitab Allah atau Sunnah Rasulnya atau Jamaah Sahabat Rasulullah s.a.w maka Majlis sedia menerima dan beramal dengannya”

Pernyataan di atas ditambah lagi dengan menyatakan:

“Adapun mazhab-mazhab seperti Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali pada pandangan rasmi Majlis adalah terhitung di dalam mazhab-mazhab yang muktabar yang tergolong di dalam istilah Ahli Sunnah Wal Jamaah. Majlis Agama Islam Perlis memang berpandukan kepada mazhab itu dan mengambil pendapat mereka yang ada alasan daripada al-Quran, al-Sunnah dan Jamaah Sahabat Rasulullah s.a.w” (MAIPs: t.t)

Keputusan fatwa di atas menyatakan bahawa JSNP di dalam memberi pandangan bagi sesuatu permasalahan untuk dikeluarkan fatwa oleh MAIPs memang meneliti semua pendapat yang ada di dalam mazhab dan menjadikan pendapat-pendapat mereka sebagai panduan. Malahan di dalam beberapa kes, JSNP mahupun MAIPs memang mengambil pendapat-pendapat tersebut dengan syarat mempunyai sandaran yang kuat daripada al-Quran, al-Sunnah dan Jama'ah Sahabat Rasul s.a.w.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa keterikatan dengan sesuatu mazhab tidak menjadi asas kepada sesuatu fatwa. Akan tetapi di dalam apa-apa masalah yang timbul, semua pendapat yang dijelaskan oleh mazhab-mazhab akan menjadi panduan kepada JSNP dalam memberi pandangan sebelum MAIPs mengeluarkan fatwa atau JSNP akan mengambil salah satu pendapat mazhab dengan syarat-syarat yang telah dinyatakan.

c) Perkembangan Mutakhir

Walaupun secara jelas metodologi penetapan fatwa negeri Perlis adalah berbeza dengan negeri-negeri lain di Malaysia, namun badan-badan berautoriti fatwa di Perlis tetap kekal dengan kaedah tersebut. Tiada apa-apa perubahan dan penambahbaikan dilakukan mutakhir ini. Perkara ini tidak mendatangkan apa-apa masalah besar kerana urusan agama telah diserahkan sepenuhnya kepada negeri masing-masing. Malah menurut Dato' Mursyid DiRaja Sahibus Samahah Dr. Juanda Jaya Mufti Negeri Perlis (2014), beberapa fatwa yang ditetapkan di negeri Perlis dengan menggunakan metodologi ini telah

memberi impak kepada keputusan fatwa di peringkat persekutuan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK).

PENUTUP

Penginstitution fatwa di negeri Perlis telah melalui satu tempoh masa yang lama bermula daripada sebelum penubuhan negeri Perlis sebagai negeri rasmi, selepas penubuhan sehingga sekarang. Fakta-fakta sejarah yang dikemukakan adalah merangkumi aspek aktiviti berfatwa di negeri Perlis, badan-badan berautoriti fatwa yang wujud dan pembentukan metodologi penetapan fatwa melalui tempoh-tempoh masa tersebut. Adalah penting untuk semua ini dikemukakan bagi memberikan satu gambaran yang jelas terhadap sejarah penginstitution fatwa di negeri Perlis sepertimana yang wujud sekarang. Hasil daripada penjelasan ini dapat menjadi bahan penting kepada Jabatan Mufti Negeri Perlis bagi mendokumentasikan sejarah sebenar penginstitution fatwa di negeri Perlis khususnya dan di Malaysia secara umum.

Rujukan:

Abdul Monir Yaacob(2006). "Kepelbagaian Fatwa: Kekuatan atau Kelemahan", dalam Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa et al. (eds), *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-negara Asean*. Bandar Baru Nilai: INFAD.

Abdul Rahman Hj. Abdullah (1989), *Gerakan Islam di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.

Azizan Khalid Ahmad (1971), "Struktur dan Organisasi Jabatan Ugama Islam Perlis". (Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

Buyong Adil (1981), *Sejarah Perlis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi (2008), *Mu'assasah al-Ifta' fi al-Mujtama' al-Malizi: Dirasah Tahliliyyah Maydaniyyah*. Bandar Baru Nilai: INFAD.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2010), *Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014*. Putrajaya: JAKIM.

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (t.t), *Keputusan Fatwa Mengenai Ahli Sunnah wal Jama'ah*. Alor Setar: Percetakan Siaran Sdn. Bhd.

Manna' al-Qattan (1996), *Tarikh al-Tasyri' al-Islami: al-Tasyri' wa al-Fiqh*. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif.

Mohd Akram Dahaman (2005), "Metode Fatwa Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis: Kajian Berasaskan Fatwa-fatwa Tahun 1990-2000". (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Saadon Man (2007), *Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Perkembangan Ahlus Sunnah di Negeri Perlis*, Jurnal Fiqh, No. 4.

Shukor Mat (2001), *As-Sunnah di Perlis*. Kangar: MediaOne Publication.

Suwaid Tapah (2004). "Perundangan dan Penguatkuasaan Fatwa", dalam Ahmad Hidayat Buang (eds), *Fatwa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM.

Zakaria@Mahmod bin Daud (1997), "Muhammad Ibn Abd Al-Wahhab dan Pengaruhnya Terhadap Ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah di Perlis". (Thesis Phd, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

Undang-undang Tubuh Kerajaan Perlis 1948

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964

Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Perlis 1964, pindaan 1988

Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis 2006

Fail JAIPs Sulit 1: Surat Pelantikan Ahli Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis

Laman Web Jabatan Mufti Perlis, Sejarah: Julai 2014

Kenyataan Dato' Mursyid DiRaja Sahibus Samahah Dr. Juanda Jaya Mufti Negeri Perlis, Pembentangan Laporan Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis 2014 bertarikh 6 Julai 2014.